

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN
AKAUNTAN (DESIRE)**

BIL. 1/2011

Tarikh: 18 Mac 2011 (Jumaat)
Masa: 9.30 pagi
Tempat: Dewan Perdana
Tingkat 16, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta,
Kuala Lumpur.

Kehadiran:

1. WAKIL LHDNM		
1.	Encik Mohammad Sait Bin Ahmad	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian)(Pengerusi)
2.	Encik Mohd Nizom Bin Sairi	Pengarah Akademi Percukaian Malaysia (APM)
3.	Encik Mahmood Bin Daud	Pengarah Negeri Selangor
4.	Puan Asriah Binti Shaari	Pengarah Jabatan Khidmat Korporat (JKK)
5.	YBhg. Datin Josephine John	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
6.	Puan Mariam Binti Mohd	Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat (JTM)
7.	Encik Abd Manap Bin Dim	Pengarah Jabatan Operasi Cukai (JOC)
8.	Puan Rozina Binti Shaik Osman Merican	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya
9.	Encik Yeoh Char Tong	Wakil Pengarah, Jabatan pematuhan Cukai (JPC)
10.	Encik Marzelan Bin Kamaruddin	Pengarah Jabatan Pemprosesan Maklumat (JPPM)
11.	Puan Umi Kalsom Binti Harun	Pengarah Bahagian Pembangunan Pungutan, Jabatan Pungutan Hasil (JPH)
12.	Cik Norhayati Binti Mat Kassim	Pengarah Bahagian Pembangunan Operasi, JOC
13.	Puan Salmah Binti Che Ros	Pengarah Pusat Khidmat Pelanggan, JKK

14.	Puan Wan Saodah Binti Wan Abu Bakar	Pengarah Bahagian Pengurusan Pelanggan, JOC (Urusetia)
15.	Encik Abd Rahman Bin Yusof	Ketua Unit e-Filing , Bahagian Aplikasi e-Services, JTM
16.	Puan Suriyati Binti Abdullah	Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Pelanggan, JOC (Urusetia)
17.	Puan Muzlifah Bt.Musa	Pegawai Hasil, Bahagian Aplikasi e-Services, JTM (Urus setia)
18.	Puan Bavani Joseph	Penolong Pegawai, Bahagian Pengurusan Pelanggan, JOC (Urusetia)
19.	Puan Nur Aziyati Binti Mohd Alias	Penolong Pegawai, Bahagian Pengurusan Pelanggan, JOC (Urusetia)
2. WAKIL PERSATUAN		
2.1. PERSATUAN AKAUNTAN		
20	Encik Khoo Chin Guan	Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
21	Mrs Yamuna	CTIM
22	Dr Veerinderjeet Singh	CTIM
23	Encik Lim Kah Fan	CTIM
24	Puan Seah Siew Yun	CTIM
25	Puan Sim Pei Sheng	CTIM
26	Encik Lim Kok Seng	CTIM
27	Encik Mohamed Zamani Bin Ismail	Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
28	Puan Haslinda Binti Azman	MATA
29	Encik Ahmad Zulhilmi Bin Abdollah	MATA
30	Encik Beh Tok Koay	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
31	Miss Heather Khoo	MIA
32	Puan Azlina Binti Zakaria	MIA

33	Puan Yeong Hoon Li	MIA
34	Encik Sam Soh Siong Hoon	MIA
35	Puan Theresa Goh;	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
36	Puan Woon Yoke Lee;	MICPA
37	Encik Tang Chin Fook	MICPA
38	Puan Cheong Li Wei	MICPA
39	Encik Peter Lim Thiam Kee	Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
40	Encik Ong Whee Tiong	MAICSA
41	Puan Chong Sui May	MAICSA
42	Tuan Haji Aziz @ Abdul Aziz Bin Tahir	ICMA
43	Dr. Zalina Binti Dato' Haji Mohd Sahir	ICMA
44	Cik Nurul Ashikin Binti Adli	ICMA
45	Cik Lim Yew Looi	MAC
46	Encik Lim Siew Meng	MAC
47	YBhg. Dato' Shahmin Ta Bin Abdullah	Bekas Pegawai Hasil
48	Encik Harpal S Dhillon	Bekas Pegawai Hasil

1. UCAPAN PENDAHULUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam percukaian serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat. Beliau seterusnya memaklumkan mengenai perkara-perkara berikut:

- a) bahawa terdapat pertukaran *portfolio* yang melibatkan Pejabat Pengarah Negeri dan Jabatan berikut:

Bil	Nama	Pertukaran	
		Dari	Ke
1	Encik Mahmood Bin Daud	Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya	Pejabat Pengarah Negeri Selangor
2	Puan Asriah Binti Shaari	Pejabat Pengarah Negeri Selangor	Jabatan Khidmat Korporat
3	Encik Abd. Manap Bin Dim	Pejabat Pengarah Negeri Negeri Sembilan/Melaka	Jabatan Operasi Cukai
4	YBhg. Datin Josephine John	Pejabat Pengarah Negeri Kedah / Perlis	Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5	Puan Rozina Binti Shaik Osman Merican	Jabatan Khidmat Korporat	Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya

- b) bahawa masih terdapat isu pelaksanaan operasi dan teknikal yang dikemukakan oleh persatuan untuk Mesyuarat Working Group LHDNM Dengan Persatuan Akauntan (DESIRE) pada kali ini. Pada masa hadapan hanya isu pembaharuan dan penambahbaikan operasi percukaian sahaja yang akan dibincangkan dalam mesyuarat DESIRE;

- c) bahawa perkhidmatan elektronik e-Filing boleh mula digunakan mulai pada 1 Mac 2011. LHDNM dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pengguna perkhidmatan elektronik e-Filing dan e-Bayaran, menyarankan ahli-ahli persatuan menggunakan perkhidmatan ini apabila mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP); dan
- e) bahawa mesyuarat hari ini akan mencatat dua minit mesyuarat iaitu:
 - i. Mesyuarat *Working Group* LHDNM Dengan Persatuan Akauntan (DESIRE); dan
 - ii. Dialog Operasi.

Tindakan :LHDNM(U/Setia)

2. PENGESAHAN CATATAN MINIT MESYUARAT

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat *Working Group* LHDNM Dengan Persatuan Akauntan (Desire) Bil3/2010 dengan pindaan seperti berikut:

- 2.1 Perkara 3.3 (iii) baris pertama perkataan 'menghantar' ditukar kepada 'menggalakkan'

3. PERBINCANGAN

3.1 Kertas Cadangan Mewujudkan Kelulusan Ejen Cukai Berperingkat Di Bawah Subseksyen 153(3) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

- a) Mesyuarat dimaklumkan bahawa CTIM, MICPA dan MAICSA telah mengemukakan memorandum bersama secara rasmi kepada LHDNM, manakala MIA mengemukakannya secara berasingan;

Makluman.

- b) Mesyuarat mengambil maklum pandangan dan cadangan persatuan berkaitan isu *ways to improve the success rate of applicants in the tax agent licence application* dan antara

langkah-langkah secara umumnya yang boleh diambil bagi memperbaiki situasi tersebut adalah seperti cadangan berikut:

- i. menyediakan silibus temu duga dan silibus *e-Learning* iaitu silibus temu duga akan diedarkan secara percuma kepada persatuan, manakala *e-Learning* akan dikenakan bayaran dan dikendalikan oleh LHDNM; dan
- ii. mempamerkan *area of coverage / scope of topic* silibus temu duga ejen cukai dalam *website* LHDNM untuk rujukan calon permohonan baru ejen cukai .

Tindakan :LHDNM(U/Setia)/JTM

- c) Mesyuarat dimaklumkan bahawa pengendalian temu duga permohonan baru yang layak oleh LHDNM adalah ketetapan oleh Kementerian Kewangan dalam prosedur permohonan baru ejen cukai. Oleh itu, cadangan memorandum supaya wakil persatuan dilantik menganggotai panel temu duga adalah merupakan keputusan dasar.

Mesyuarat mengambil maklum cadangan oleh persatuan supaya LHDNM mengadakan bengkel atau taklimat cara-cara menghadapi temu duga.

Tindakan :LHDNM(JOC)

- d) Mesyuarat memaklumkan bahawa pada 29 April 2011, temuduga bagi 6 calon ejen cukai yang mengemukakan rayuan akan diadakan di Kementerian Kewangan dan 2 orang pegawai atasan LHDNM dilantik sebagai penemu duga.

Makluman.

- e) Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa terdapat satu kes permohonan pembaharuan ejen cukai tidak diperakukan oleh Jawatankuasa Ejen Cukai LHDNM kerana pemohon tidak mematuhi etika dan gagal bertindak sebagaimana sepatutnya

dan tindakan ini dipersetujui oleh persatuan selari dengan usaha untuk menentukan kualiti ejen cukai.

Mesyuarat menyarankan supaya persatuan melaporkan kepada pengurusan LHDNM sekiranya terdapat pelakuan pegawai audit yang melanggar tatasusila dan tidak berintegriti.

Tindakan :Persatuan

- f) Mesyuarat memutuskan untuk *put aside (discontinue)* kertas cadangan dan ejen cukai akan dinilai dari segi kemahiran, etika dan kualiti kerja serta tahap pematuhan dan salah laku tatakelakuan ejen cukai akan dilaporkan kepada persatuan.

Makluman.

- g) Mesyuarat menetapkan masa dua (2) tahun kepada persatuan untuk memastikan semua ejen cukai dan pekerja atau pekongsi syarikat ejen cukai yang diluluskan oleh menteri menurut peruntukan seksyen 153(3) ACP 1967 sahaja dibenarkan berurusan dengan LHDNM. Syarat yang ketat ini adalah untuk menjaga kepentingan pembayar cukai yang sepatutnya diwakili oleh pihak yang layak di sisi undang-undang.

Tindakan :Persatuan

- h) Bagi maksud di atas, garis panduan ejen cukai akan disediakan dan draf akan dikemukakan kepada persatuan untuk maklum balas sebelum diumumkan kepada awam.

Tindakan :LHDNM(JOC)

3.2 ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH CTIM

General Filing Issues

3.2.1 Availability Of Income Tax Return Forms For Prior Years

The Inland Revenue Board (IRB) does not provide printed copies of Forms C & R for prior years to tax agents / companies. Forms e-C and e-R for prior years have been removed from the TAeF system. Members have enquired how tax agents should submit their backlog tax returns.

Paragraph 4(iii) of the 2011 Filing Programme indicates filing by tax agent using PDF forms prior to the year of assessment 2009 (for Forms C, R, C1, TA and TC) and 2008 (for Forms B, BE, M, E, P, TP, TJ and TF) are allowed. The Institutes would like to confirm that tax agents can download the PDF forms themselves for the purpose of backlog filing.

LHDNM

Bagi tahun-tahun taksiran sebelum yang mana penggunaan kemudahan *e-Filing* untuk memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) tidak dibenarkan lagi, pembayar cukai dinasihatkan supaya mengemukakan borang nyata kertas.

(a) Untuk tujuan pengemukaan BNCP, hanya borang PDF berikut boleh dimuat turun dari laman web LHDNM oleh ejen cukai:-

- (i) Borang C, R, C1, TA dan TC sebelum tahun taksiran 2009;
- (ii) Borang TR untuk semua tahun taksiran; serta
- (iii) Borang E, BE, B, M, P, TP, TJ dan TF sebelum tahun taksiran 2008.

(b) **Pembayar cukai** dibenarkan memuat turun borang PDF berikut dari laman web LHDNM untuk tujuan pengemukaan BNCP:-

- (i) Borang C, R, C1, TA dan TC sebelum tahun taksiran 2010;
- (ii) Borang TR untuk semua tahun taksiran; serta
- (iii) Borang E, BE, B, M, P, TP, TJ dan TF sebelum tahun taksiran 2010

(c) Bagi tahun taksiran yang mana borang PDF tidak boleh dimuat turun untuk tujuan pengemukaan BNCP, ejen cukai / pembayar cukai boleh memohon kepada cawangan LHDNM untuk mendapatkan borang PDF cetakan cawangan. Ejen Cukai yang memohon dikehendaki mengemukakan senarai nama dan nombor cukai pendapatan pelanggan mereka yang berkenaan kepada cawangan semasa membuat permohonan.

Pengerusi memberi kebenaran kepada Persatuan untuk membuat cetakan BNCP tahun kebelakangan dalam format PDF dan meminta JPH /JTM /JOC review balik kes tahun kebelakangan.

Tindakan: LHDNM (JPH/JTM/JOC)

3.2.2. Filing of e-CP204A

Currently, an estimate of tax payable may be submitted by e-Filing using Form e-CP204. Members have enquired on the date when the filing of revision of tax payable via Form e-CP204A will be available.

LHDNM

e-Form	e-Latihan/SPTA	Production
CP204A	15th April 2011	3rd May 2011

3.2.3 Submission Of Amended Return Form C – Section 77B

Based on the guidelines on amendment Return Form C provided, an amended return form under Section 77B which has been completed, affirmed and duly signed must be sent to the Assessment Branch which handles the tax file of the relevant company. However, some members were informed recently that the duly completed, affirmed and duly signed amended Return Form C should be sent to Jabatan Pemprosesan Maklumat instead of the respective Assessment Branches.

The Institutes would like to seek clarification whether the amended Return Form C should be sent to the respective Assessment Branches or Jabatan Pemprosesan Maklumat.

LHDNM

Borang Nyata Terpinda yang telah dilengkapkan dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pembayar cukai berkenaan.

[Perkara 2.2 dalam Garis Panduan Operasi yang bertajuk 'Prosedur Pengemukaan Borang Nyata Terpinda' (GPHDN 1/2010) di laman web LHDNM adalah dirujuk]

Pihak persatuan / ejen cukai diminta memaklumkan kepada Pengarah Jabatan Operasi Cukai sekiranya terdapat cawangan LHDNM yang mengarahkan supaya Borang Nyata Terpinda berkenaan dihantar ke Pusat Pemprosesan.

Tindakan: Persatuan

3.2.4 New Business Codes

- (i) The IRB has announced that the new business codes are to be used with effect from 15 February 2011. However, on 16 February 2011 and 17 February 2011, e-Filing with new business codes were still unavailable. Taxpayers then used the old business codes and e-filed successfully.
- (ii) The Institutes would like to enquire about the cases which were filed to the IRB before 15 February, 2011 or e-filed from 15 February 2011 using old business codes. For these cases, will the filing be accepted by the IRB and no action will be taken on the taxpayers?
- (iii) There is confusion over the selection of the new codes. The IRB Call Centre has advised that property developers should use either code 681010 (Buying, selling, renting and operating of self-owned or leased real estate – residential buildings) or code 68102 (Buying, selling, renting and operating of self-owned or leased real estate – non-residential buildings). But the nature of business of a housing developer is different from those of renting property. Similarly, construction of buildings is divided into construction of residential buildings (code 41001) and construction of non-residential buildings (code 41002). But generally a construction company builds all kinds of buildings. In some cases, where condominium is built on top of a commercial centre. Which code should then be used? Such a confusion should have been resolved before its implementation.

Is there any implication to the tax agent / taxpayer if the business code selected by him / her is regarded by the IRB as not being the appropriate code?

- (iv) The Institutes would like to share with the IRB the following feedback received from members on the introduction of the new business code.

The implementation of the new business code in an e-filing environment is not just typing in the new code. The old codes have to be deleted and the new codes inserted (not to mention the changes made to "existing" codes on the reference/description of business activities).

Further, most systems have a "system profile" which lists out the valid values for the business codes (and this concept applies to any other listings such as country codes, deduction codes etc). Alternatively, there is a "validation rule" built into the system to check whether the code keyed in by the user is a valid one.

Hence, without updating the tax software with the new set of business codes, the users will not be able to select the correct code and thus cannot submit it via integration software to the IRB's e-filing system. Updating the software system takes time.

For tax agents using the e-filing, their submission will be delayed until the tax system they are using is updated. This disrupts the filing schedule of tax agents (and therefore their clients').

The concern is that the IRB did not give advance notice with sufficient lead time to cater for this implementation of new business codes. Even in the production environment, the system is only updated after 17 February 2011.

LHDNM

Tindakan tidak akan diambil terhadap pembayar cukai yang menggunakan kod perniagaan lama (kerana ketiadaan kod perniagaan baru pada masa itu) atau kod perniagaan baru yang

tidak betul / tepat dalam BNCP yang telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, pembayar cukai adalah digalakkan mengguna kod perniagaan baru yang sesuai supaya selaras dengan kod penjenisan perniagaan baru (MSIC 2008) yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Di mana sesuatu perniagaan melibatkan pelbagai aktiviti dan ini menyukarkan pemilihan kod perniagaan baru yang sesuai, maka pembayar cukai dinasihatkan mengguna kod perniagaan baru yang umum (jika ada) dan dapat merangkumi kebanyakan aktiviti berkenaan atau berdasarkan aktiviti utama perniagaan / aktiviti perniagaan utama. Bagi contoh yang dinyatakan iaitu pemaju perumahan, mungkin kod 41009 * boleh digunakan.

** Kod 41009 - Pembinaan bangunan t.t.t.l. (termasuk pembinaan keseluruhan bangunan tempat kediaman dan bukan tempat kediaman, di atas akaun sendiri untuk jualan atau berasaskan bayaran atau secara kontrak. Subkontrak sebahagian atau keseluruhan proses pembinaan boleh berlaku. Termasuk memulihara tapak dan bangunan bersejarah – cabutan dari buku Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 ver. 1.0 keluaran Jabatan Perangkaan Malaysia)*

Pengerusi memaklumkan perubahan kod perniagaan adalah selaras dengan kehendak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) MyCoID dan kod yang digunakan oleh jabatan kerajaan lain. LHDNM tidak akan mengenakan penalti kepada pembayar cukai kerana kesilapan memilih kod. Walau bagaimanapun kesalahan memilih kod akan memberi kesan kepada kerajaan untuk membuat keputusan perancangan ekonomi negara.

Pengerusi juga mengingatkan bagi kes-kes yang telah diaudit, oleh LHDNM persatuan diminta supaya menggunakan kod perniagaan yang telah dibetulkan oleh pasukan audit LHDNM.

Tindakan : Persatuan

3.2.5. Availability Of Income Tax Return Forms (ITRF)

In the IRB Press Statement dated 11 January 2011, it was indicated that the "LHDNM only accepts original ITRF 2010 or PDF forms obtained from LHDNM branches." However, members have informed that the IRB branches had indicated that the IRB Headquarters had not supplied them with the printed ITRFs for distribution. Tax agents are told to use e-filing.

It must be noted that a tax agent can only advise and encourage his/her clients to use e-filing. They cannot force the taxpayers to e-file their ITRFs. Many taxpayers are not prepared to e-file their ITRFs. It takes time to convince taxpayers to accept e-filing.

LHDNM

Untuk makluman, BNCP kosong tidak lagi dicetak dan dibekalkan kepada cawangan LHDNM. Walau bagaimanapun bagi kes-kes tertentu, cawangan dibenarkan mencetak dan mengeluarkan borang PDF kepada pembayar cukai / ejen cukai yang memohon. Contoh kes yang dimaksudkan adalah di mana:-

- (i) pekerja akan meninggalkan Malaysia;
 - (ii) sehingga 31 Mac, pembayar cukai masih tidak menerima BNCP;
 - (iii) penggunaan kemudahan e-Filing tidak dibenarkan lagi dan ejen cukai / pembayar cukai tidak dibenarkan memuat turun borang PDF bagi tahun taksiran yang berkenaan.
- Ejen cukai yang memohon dikehendaki mengemukakan senarai nama dan nombor cukai pendapatan pelanggan mereka yang berkenaan kepada cawangan semasa membuat permohonan.

Pengerusi memaklumkan bahawa memo telah dikeluarkan kepada cawangan berkaitan isu yang dibangkitkan.

Makluman

3.2.6 Client To Host Application (CTHA)

The Institutes would like to share with the IRB the following feedback received from members and software service providers on the invitation to participate in the pioneer group using CTHA.

As indicated in the DESIRE No.4-2009, the tax agents and software service providers had made a number of suggestions and requested for information. Subsequently, the tax agents and software service providers had submitted to the IRB (via the Institute's email dated 24 June 2010) additional suggestions. However, without any detailed discussion carried out with the tax agents and software service providers, the IRB had then announced the deployment of CTHA of Forms C and R into the production on 21 September 2010. Until 6 March 2011, not much information was shared with the software service providers. So, the tax agents and software service providers do not have enough information and understanding on CTHA to decide whether they are able to participate in the pioneer group using CTHA.

It was discovered in the meeting held on 7 March 2011 that the CTHA, unlike the TAeF, cannot be used by the tax agents directly. Contrary to most of the tax agents' perceptions, the use of CTHA requires a full IT support team to design a connecting programme and to maintain its operations. Most of the tax agents are not sizeable enough to maintain an IT team to support the use of CTHA. This means that they have to depend on the software programme which is supported by the service provider. It is therefore clear that software service providers are the facilitators and promoters of e-filing, be it CTHA or TAeF.

With the first discussion session being held on 7 March 2011, the timing of promoting CTHA seems inappropriate. At the moment, the filing period has already begun. As the tax profession suffers from shortage of experienced staff, most tax firms are shorthanded and will not be able to spare a few persons to write out the programme and to

test the programme. Similarly, software service providers are also tied up with servicing the tax agents on e-Filing issues that arise. The best time to introduce is actually after August 2011 where the bulk of tax filings have been made. Hence, the period of August to December will be the more suitable timing for the tax agents and software service providers to work together with the IRB in exploring the CTHA and to develop the necessary tax agent application to link to the IRB's CTHA. Changes may also be necessary to be made in the IRB's CTHA in order to meet the requirements from the tax agents in general.

LHDNM

e-Form	Production
e-B	20th Sept 2011
e-C & e-R	21st Okt 2010
e-P	1 Mac 2011

Pengerusi meminta supaya Jabatan Teknologi Maklumat mengadakan perbincangan dengan Software Provider Tax Agent (SPTA) bagi menyelesaikan masalah berbangkit.

Tindakan : LHDNM (JTM & Persatuan)

Other Filing Issues

3.2.7 Availability Of Form LHDN/BT/RA/2007 For Reinvestment Allowance (RA) Application

There is no such form available on the website of the IRB. The form available is form LHDN/BT/RA/2005. We would like to enquire when the above Form LHDN/BT/RA/2007 will be made available to the public.

Currently, a taxpayer who is claiming RA uses the Form LHDN/BT/RA/2005. However, it is stated in Paragraph 12.1 of the Public Ruling No.2/2008 - Reinvestment Allowance that a claim for RA is to be made by completing two copies of the claim form LHDN/BT/RA/2007. Therefore, those who claimed RA using the Form LHDN/BT/RA/2005 would not have complied with the Public Ruling.

LHDNM

Jawapan akan dimaklumkan oleh Jabatan Dasar Percukaian (JDP) melalui Dialog Teknikal bersama Persatuan Akauntan.

Pengerusi menyarankan pada masa hadapan Dialog Operasi dan Dialog Teknikal dapat digabungkan supaya pelaksanaan operasi percukaian dan teknikal dapat dibincangkan dalam satu mesyuarat.

Tindakan : LHDNM (JOC& JDP)

Operation Issues

3.2.8 Real Property Gains Tax (RPGT)

A standard Sale and Purchase Agreement (SPA) generally provides that 10% of the purchase consideration will be paid by the purchaser to the seller as deposit upon signing of SPA and the balance will be settled within a stipulated period, generally 4 months. In the case that a party rescinds the SPA before the completion date, he would be required to refund the other party for the deposit paid. With effect from 1 January 2010, the purchaser is required to remit the whole amount of the money received or 2% of the total value of the consideration, whichever is lesser, to the IRB within 60 days from the date of the SPA. Where the SPA is rescinded by the seller, the seller is required to refund the deposit to the purchaser. However, the money withheld by

the purchaser has been paid and credited to the seller's account with the IRB and this tax paid will be refunded to the seller which in fact should belong to the purchaser. The purchaser will be at the losing end if there is a dispute between them and the seller may be reluctant to apply for a refund of the RPGT and return it to the purchaser.

For practical reasons, the Institutes propose that, as a concession, the IRB allows the due date for the withholding of the RPGT and paying over to the IRB be deferred to 30 days after the completion of the SPA or 6 months from the date of the SPA, whichever is the later. This is because the IRB can still recover the RPGT from the purchaser who is duty bound to withhold the payment and pay to the IRB.

LHDNM

Bayaran balik boleh dibayar kepada pemeroleh jika perjanjian jualbeli dibatalkan dan dokumen dikemukakan kepada LHDNM bagi menyokong bayaran balik tersebut. Pelupus perlu memberi persetujuan kepada pemeroleh berhubung dengan bayaran balik tersebut.

Makluman

3.2.9 Mismatch of Government grants received

A company has been granted a 50% research and development (R&D) matching grant amounting to RM3 million from SMIDEC for a period of 3 years. The reimbursement of the expenditure is subject to MIDA's approval upon submission of the relevant documentation. The company's financial year-end is 31 December.

In the year ended 31 December 2009 [year of assessment (YA) 2009], the company incurred R&D expenditure amounting to RM900,000 and has submitted a claim for reimbursement of 50% of the amount expended which is RM450,000. However, the grant has not been received when the income tax return YA 2009 was filed. Since the reimbursement is subject to MIDA's approval, i.e., MIDA may reject or

reduce the amount claimed, the company has claimed the whole amount of RM900,000 in YA 2009 tax computation.

The grant of RM400,000 (as opposed to RM450,000 claimed) was approved and received in YA 2010. The company has to revise its YA 2009 tax return to bring to tax the grant of RM400,000 received in YA 2010. This is impractical and any amendment to the prior years' tax returns will attract penalties.

In view of the above, the Institutes propose that grants be taxed in the basis period for a year of assessment in which they are received. This will alleviate the administrative burden to both the IRB and taxpayers.

LHDNM

Jawapan akan dimaklumkan oleh Jabatan Dasar Percukaian (JDP) melalui Dialog Teknikal bersama Persatuan Akauntan.

3.3.0 Letter on outstanding tax liability for YA 2009 (Form CP227 X and CP547X)

Members informed that they have received the above letters in batches indicating the outstanding tax liability of companies /individuals and threatening legal action to recover the tax from the directors of these companies/individuals. A check with the IRB on the taxpayers' records indicates that the amount of tax liabilities outstanding as indicated in the letters is incorrect or there is no outstanding tax liability. Such errors have created unnecessary burdens and pressure on the part of tax agents as they have to take time to verify, liaise with the IRB to confirm the actual situation and convince the clients. However, the IRB refused to issue a letter to rectify the errors.

Tax agents have a difficult task of convincing their clients that the amount of tax liabilities outstanding as indicated in the letters is incorrect or there is no outstanding tax liability. The Institutes would suggest that the IRB exercises due care when issuing such letters in

bulk to ensure that the facts are correct and in cases where there are errors, a letter *should be issued to rectify them*.

LHDNM

Didapati bayaran telah dibuat tetapi dibukukan ke dalam tahun taksiran 2010 bukannya tahun taksiran 2009. Kebanyakan bayaran dibuat di bank CIMB. Semakan akan dibuat dengan pihak bank.

Kriteria pengeluaran surat seperti berikut :

- a) Amaun minimum tunggakan:**
 - (i) RM1000. Untuk kes syarikat, koperasi dan badan amanah; dan**
 - (ii) RM500.00 untuk kes selain syarikat, koperasi dan badan amanah.**
- b) Kategori surat:-**
 - (i) Pembayar cukai selain syarikat SG, OG,TP,F,J-(CP547X); dan**
 - (ii) Pembayar cukai syarikat C,CS,TA,TC-(CP227X).**
- c) Surat tidak dikeluarkan bagi kes:-**
 - (i) VIP dan staf;**
 - (ii) ansuran audit, ansuran penyiasatan, ansuran pungutan iaitu ansuran sendiri dan cp38 dan ansuran guaman sivil yang masih berkuatkuasa dalam tahun 2011; dan**
 - (iii) telah diambil tindakan dalam tahun 2011.**

Cawangan telah dimaklumkan melalui emel pada 23 Mac 2011 mengarahkan supaya surat makluman baru dengan kedudukan cukai terkini dikeluarkan semula apabila terdapat perbezaan amaun

berbanding surat LHDNM sekiranya terdapat permohonan diterima di cawangan.

Tindakan: LHDNM(JPH)

4. HAL-HAL LAIN

4.1 Prosedur Penerimaan Dan Pemprosesan BNCP.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Pemprosesan Maklumat (JPPM) mengalami masalah untuk memproses BNCP yang diterima daripada EC / pembayar cukai. Antara masalah yang dikenal pasti ialah :

4.1.1 Proses penerimaan BNCP di Kaunter Serahan semasa Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) dan cop pengesahan penerimaan pada salinan pendua BNCP.

Cop pengesahan ke atas salinan pendua BNCP hanya akan dilakukan di kaunter bagi jumlah pengemukaan kurang daripada 10 borang. Jika melebihi daripada 10 borang, cop pengesahan akan dilakukan kemudian. Wakil cukai akan dimaklumkan apabila pengesahan selesai dilakukan.

Makluman

4.1.2 BNCP dianggap tidak lengkap

- a) Mesyuarat dimaklumkan bagi BNCP yang tidak lengkap , JPPM telah mengambil keputusan untuk mengembalikan semula kepada EC / pembayar cukai. Tarikh penerimaan semula oleh JPPM akan diambilkira sebagai tarikh rasmi penerimaan BNCP. Penalti di bawah Seksyen 112 ACP 1967 akan dikenakan, jika berkenaan.

Makluman

- b) Ciri-ciri BNCP dianggap tidak lengkap dikenal pasti seperti berikut:

- (i) Tidak ditandatangani.
- Tiada tandatangan pada ruangan akuan;
 - Pembayar cukai tandatangan di ruangan ejen cukai; dan
 - Pembayar cukai menggunakan cop tandatangan.
- (ii) Tidak mengisi dengan lengkap di ruangan akuan iaitu nama, no kad pengenalan/ no polis/ tentera / passport dan jawatan.
- (iii) Pembayar cukai tidak menggunakan borang yang ditetapkan mengikut sek.152 ACP1967.
- Borang fotostat;
 - Borang Format PDF cetakan pembayar cukai yg tidak menepati spesifikasi cetakan; dan
 - Borang format PDF cetakan cawangan (BNCC) tetapi tiada cop cawangan yang berkenaan.
- (iv) Pembayar cukai tidak menggunakan borang yang telah ditetapkan untuk tahun taksiran berkaitan. Oleh itu borang tidak dapat diimbis kerana "*field*" borang tidak sama dengan tahun taksiran berkenaan.
- (v) Salah pengisian data borang.
- Salah pengiraan pada ruangan Jumlah Cukai Pendapatan Dikenakan sehingga Cukai Kena Dibayar/Cukai Kena Dibayar Balik;
 - Salah pecahan pendapatan bercukai pada kadar 20%; dan
 - Bahagian pendapatan bercukai diisi tetapi tiada pengiraan dibuat.
- (vi) Tempoh akaun (Tarikh mula dan tarikh tutup akaun).
- Tidak lengkap (salah satu tidak diisi);
 - Tidak diisi (kedua-dua tidak diisi);

- Salah diisi (tempoh perakaunan tiada kaitan dengan TT);
 - Tidak ikut logik tempoh akaun; dan
 - Borang dihantar sebelum tempoh akaun ditutup.
- (vii) Perbezaan yang ketara pada maklumat asas dalam borang dengan maklumat dalam sistem.
- Perbezaan nama adalah ketara dan tiada Borang 13 / Salinan Kad Pengenalan disertakan;
 - Perbezaan No Rujukan (no pendaftaran syarikat) adalah ketara dan Borang 9 tidak disertakan; dan
 - No Kad Pengenalan berbeza.
- (viii) Maklumat Kewangan tidak diisi bagi borang-borang yang berkaitan iaitu:
- Jualan/Perolehan;
 - Untung/Rugi Bersih; dan
 - Kod Perniagaan.

Makluman

4.1.3 Lampiran CP8D (Borang E – Majikan)

Banyak majikan yang mengemukakan senarai penuh pekerja masing-masing tanpa mengambilkira syarat-syarat pengisian lampiran tersebut.

Majikan perlu memastikan bahawa pengemukakan CP8D hanya untuk menyenaraikan pekerja yang bergaji melebihi RM2500 sebulan sahaja. Bagi majikan yang mempunyai lebih daripada 20 pekerja yang gajinya melebihi RM2500, diminta untuk mengemukakan CP8D dalam bentuk *softcopy* (CD / disket

Tindakan :Persatuan

4.2 Maklumbalas Dari Persatuan

4.2.1 Integriti Ejen Cukai

Wakil persatuan menyarankan tindakan kepada ejen cukai diambil sekiranya bilangan BNCP yang dihantar tidak mencukupi / tidak sama bilanganya sebagaimana yang disenaraikan dalam *covering letter*.

Tindakan : LHDNM (JPPM)

4.2.2 BNCP tidak lengkap

Wakil persatuan menyarankan supaya LHDNM memberi peringatan dari semasa ke semasa kepada ejen cukai / pembayar cukai supaya memastikan BNCP diisi dengan lengkap sebelum dikemukakan kepada LHDNM.

Tindakan : LHDNM (JPPM)

4.2.3 Wakil persatuan meminta supaya Prosedur Penerimaan Dan Pemprosesan BNCP dipanjangkan kepada persatuan.

Tindakan : LHDNM (U/setia)

4.3 Pemindahan Kaunter Setem Pejabat Daerah Petaling

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Kaunter Setem Pejabat Daerah Petaling Jaya telah berpindah pada 25 Mac 2011 di alamat seperti berikut:

Kaunter Setem Pejabat Daerah Petaling Jaya
Komplek Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No 1 Persiaran Atmosphera
Seksyen U5, Shah Alam, Selangor D / Ehsan.

Makluman.

4.4 Kaunter e-Filing di Cawangan LHDNM

Pengerusi memaklumkan bahawa LHDNM bercadang mewujudkan kaunter

e-Filing di cawangan LHDNM sebagaimana praktik di negara Jepun dan Singapura bertujuan memudahkan ejen cukai / pembayar cukai menghantar BNCP semasa BPPC.

Makluman

4.5 Penghantaran BNCP Melalui e-Filing.

LHDNM berharap ejen cukai sentiasa menggalakkan pelanggan supaya menggunakan e-Filing dan juga memastikan pelanggan menggunakan perkhidmatan e-Filing secara berterusan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa prestasi e-Filing menunjukkan peningkatan sebanyak 36 % berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

Makluman

5. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir kerana mengaktifkan perbincangan. Mesyuarat ditamatkan pada jam 12.00 tengah hari.

Urus Setia
BPP/JOC